

# Penjaga kecil diingatkan supaya bayar balik pinjaman

PUTRAJAYA 7 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sekali lagi mengingatkan peniaga-peniaga kecil supaya bertanggungjawab membayar balik pinjaman seperti yang dipersetujui.

Perdana Menteri berkata, hutang harus dianggap sebagai satu komitmen yang harus ditunaikan kerana ia menyentuh maruah seseorang.

Menurutnya, kegagalan membayar semula pinjaman bukan

sahaja akan memberi kesan kepada pihak yang meminjam tetapi juga orang lain yang hendak meminjam.

“Apabila orang lain hendak meminjam, orang yang memberi pinjaman sudah tidak yakin untuk memberikannya. Keupayaan untuk membayar hutang sangat penting,” katanya ketika ditemui pada majlis rumah terbuka untuk perwakilan asing, menteri-menteri, pegawai tinggi kerajaan

dan tokoh korporat di Seri Perdana hari ini.

Beliau mengulas cadangan Persekutuan Penjaja dan Peniaga Kecil Malaysia supaya kerajaan perkenalkan semula pinjaman tanpa faedah untuk peniaga kecil.

Kerajaan telah menghentikan pinjaman itu semasa kegawatan ekonomi pada 1997 dan masih belum menyambung semula kemudahan itu.

Rabu lalu, ketika mengulas isu yang sama, Dr. Mahathir berkata, rekod pembayaran hutang yang buruk oleh peniaga kecil telah menyebabkan bank hilang kepercayaan memberikan pinjaman kepada mereka.

Katanya, walaupun kadangkang wang tersebut adalah wang kerajaan tetapi bank tetap enggan memberikan kepada peniaga kecil, sebaliknya lebih cenderung meluluskan pinjaman kepada syarikat besar.